

GURU MUALAF TERBAIK

Wanita gigih bimbing golongan peluk Islam terima anugerah LZS

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Sungai Besar

Tidak sanggup membiarkan mualaf terkapai-kapai selepas memeluk Islam, seorang guru mengorbankan masa dan tenaga membimbing golongan itu supaya tidak tersasar daripada landasan sebenar.

Nur Sabrina Chua Abdullah, 51, yang juga mualaf tidak menjangka usahanya itu membuahkan hasil hingga dianugerahkan Guru Pembimbing Asnaf Mualaf Terbaik Selangor 2018 sempena Majlis Anugerah Asnaf Cemerlang anjuran Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Shah Alam, kelmarin.

“Saya memeluk Islam sejak 27 tahun lalu dan ketika itu, saya lihat ramai rakan mualaf tidak mendapat bimbingan agama yang sempurna.

“Bermula dari situ, saya tekad mendalami Islam un-



NUR Sabrina bersama suami selepas menerima anugerah Guru Pembimbing Asnaf Mualaf Terbaik Selangor 2018 pada Majlis Anugerah Asnaf Cemerlang LZS di Shah Alam.

tuk mendekati serta membimbing mereka (mualaf) agar tertarik dengan Islam.

“Mualaf perlu didekati dengan cara betul selain hi-

dayah yang diterima dalam pelbagai cara. Berbekalkan pengalaman sebagai guru yang memeluk Islam, saya yakin menjiwai dan men-

dalam insan yang perlu dijinakkan hatinya,” katanya.

Nur Sabrina berkata, tugas sebagai Guru Pembimbing Asnaf Mualaf dilakukan

pada sebelah petang selepas menjalankan tugas hakiki sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Besar.

“Apabila memegang dua tugas dalam satu masa, ia sebenarnya meletihkan terutama fizikal dan mental.

“Namun, kepenatan itu hilang melihat rakan mualaf menunaikan solat, membaca al-Quran dan mengamalkan ajaran Islam hasil perkongsian ilmu,” katanya.

Beliau bersyukur dan berterima kasih pada suaminya, Mohamed Rizal Mohd Tayab yang mengenalkan Islam kepadanya ketika melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurutnya, dia bercita-cita mencari dana bagi membawa rakan mualaf yang dibimbing mengerjakan umrah selain melihat keindahan Islam di Makkah dan Madinah.

Pada majlis itu, 67 asnaf zakat diberikan penghargaan LZS yang disampaikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS.

“
Pegang dua
tugas dalam satu
masa meletihkan
Nur Sabrina Chua
Abdullah